Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Rabu, 11 November 2026

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, SEPTEMBER DAN SUKU TAHUN KETIGA 2026

Kadar pengangguran September kekal pada 2.9 peratus, dengan 513.2 ribu penganggur

PUTRAJAYA, 11 NOVEMBER 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **SIARAN STATISTIK TENAGA BURUH, SEPTEMBER DAN SUKU TAHUN KETIGA 2026**. Laporan ini menyediakan statistik mengenai penawaran buruh Malaysia, berdasarkan data daripada Survei Tenaga Buruh.

Prospek ekonomi yang positif pada September 2026 telah membolehkan pasaran buruh negara mengekalkan pertumbuhan yang stabil. Oleh itu, bilangan tenaga buruh meningkat sebanyak 0.1 peratus kepada 17.40 juta (Ogos 2026: 17.39 juta). Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) pada bulan tersebut kekal 71.0 peratus, sama seperti bulan sebelumnya.

Bilangan penduduk bekerja terus menunjukkan peningkatan secara berterusan pada September 2026, naik 0.1 peratus kepada 16.89 juta berbanding bulan sebelumnya (Ogos 2026: 16.87 juta). Pada masa yang sama, bilangan penganggur naik 0.3 peratus kepada 513.2 ribu (Ogos 2026: 511.6 ribu). Kadar pengangguran September kekal pada 2.9 peratus, sama seperti Ogos 2026. Bilangan penduduk di luar tenaga buruh pada September 2026, merekodkan sedikit penurunan sebanyak 0.03 peratus kepada 7.10 juta berbanding bulan sebelumnya (Ogos 2026: 7.11 juta).

Pasaran buruh Malaysia terus berkembang pada suku tahun ketiga 2026, dengan bilangan tenaga buruh bertambah 0.3 peratus kepada 17.33 juta (ST2 2026: 17.28 juta). KPTB keseluruhan meningkat kepada 71.0 peratus dan KPTB lelaki juga meningkat kepada 83.4 peratus, manakala KPTB perempuan kekal tidak berubah pada 57.0 peratus (ST2 2026: 83.3%; 57.0%).

Selaras dengan pertumbuhan ini, bilangan penduduk bekerja naik 0.3 peratus kepada 16.82 juta, berbanding 16.77 juta pada suku tahun kedua 2026. Kategori pekerja merangkumi 76.1 peratus daripada jumlah penduduk bekerja pada suku tahun ketiga 2026. Kategori ini mencatatkan peningkatan sederhana 0.2 peratus, mencapai 12.81 juta (ST2 2026: 12.78 juta). Pada masa yang sama, bilangan penduduk bekerja sendiri merekodkan kenaikan sebanyak 0.5 peratus kepada 2.96 juta berbanding suku tahun sebelumnya (ST2 2026: 2.94 juta).


Bilangan penduduk bekerja kurang daripada 30 jam seminggu meningkat 5.2 peratus kepada 241.9 ribu pada suku tahun ketiga 2026 (ST2 2026: 230.0 ribu). Begitu juga, bilangan penduduk yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu serta mampu dan sanggup menerima tambahan jam bekerja, atau dikategorikan sebagai guna tenaga tidak penuh berkaitan masa, naik 15.0 ribu merekodkan 136.9 ribu, dengan kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa mencatatkan 0.8 peratus (ST2 2026: 121.9 ribu; 0.7%). Sementara itu, guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran, yang merujuk kepada individu berpendidikan tertiari namun bekerja dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah, bertambah 0.4 peratus kepada 1.96 juta, manakala kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran turun 0.2 mata peratus kepada 35.0 peratus (ST2 2026: 1.95 juta; 35.2%).

Bilangan penganggur meningkat 0.8 peratus kepada 513.7 ribu, manakala kadar pengangguran kekal pada 3.0 peratus (ST2 2026: 509.7 ribu; 3.0%). Penganggur aktif atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan sedang aktif mencari pekerjaan, merangkumi 79.7 peratus daripada jumlah penganggur. Kumpulan ini meningkat 0.9 peratus kepada 409.3 ribu (ST2 2026: 405.5 ribu). Mengikut tempoh pengangguran dalam kalangan penganggur aktif, 67.3 peratus terdiri daripada mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan, manakala 3.1 peratus merupakan penganggur jangka panjang melebihi setahun. Sementara itu, penganggur tidak aktif, atau mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia, merangkumi 20.3 peratus daripada jumlah penganggur.


Perbandingan antara semua negeri dan wilayah menunjukkan Wilayah Persekutuan Putrajaya terus mencatatkan kadar pengangguran terendah pada 1.3 peratus pada suku tahun ketiga 2026, diikuti oleh Melaka dan Selangor masing-masing pada 2.0 peratus, manakala Pahang merekodkan 2.1 peratus. Dari segi KPTB, lima negeri mencatatkan kadar melebihi KPTB nasional dengan tiga KPTB tertinggi direkodkan oleh Wilayah Persekutuan Putrajaya iaitu 79.5 peratus, diikuti Selangor pada 78.2 peratus dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 76.3 peratus.

Secara keseluruhannya, pasaran buruh Malaysia kekal menjadi keutamaan dalam menghadapi perkembangan pesat teknologi dan transformasi ekonomi. Perluasan latihan kecerdasan buatan (AI) dan automasi bagi melengkapkan pekerja dengan kemahiran yang bersesuaian untuk menyesuaikan diri dengan perubahan serta keperluan semasa industri. Pada masa yang sama, usaha membantu penempatan semula pekerja yang terjejas akibat perubahan teknologi, menggalakkan pelaburan dalam teknologi yang meningkatkan produktiviti serta memperkukuh mekanisme pemantauan awal bagi mengenal pasti sektor yang berisiko mengalami pengurangan tenaga kerja perlu dipertingkatkan. Selain itu, peluasan peluang pekerjaan dalam industri berteknologi tinggi turut penting bagi memastikan tenaga kerja tempatan kekal berkemahiran, berdaya tahan, produktif dan berdaya saing.


Carta 1: Penduduk bekerja, Malaysia, Januari - September 2026




Carta 2: Pengangguran, Malaysia, Januari - September 2026




Carta 3: Luar tenaga buruh, Malaysia, Januari - September 2026




Carta 4: Pengangguran, Malaysia, ST1 2024 - ST3 2026



Carta 5: Penduduk bekerja kurang daripada 30 jam seminggu dan Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa, ST1 2024 - ST3 2026



Carta 6: Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran, ST1 2024 - ST3 2026



Nota: Statistik Survei Tenaga Buruh bagi Januari dan Suku Tahun Pertama 2026 dan seterusnya dianggar menggunakan data unjuran berdasarkan anggaran penduduk semasa terkini

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
11 NOVEMBER 2026